



MODUL PINTAS TINGKATAN 5

Peperiksaan Percubaan Tahun 2019

Skema Jawapan Sejarah

Kertas 3 1249/3

soalan	Perincian		markah
1	Jelaskan latar belakang nasionalisme di Malaysia sehingga Perang Dunia Kedua		5 markah
	F1	Perasaan cinta akan bangsa dan negara	1
	F2	Gerakan membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajah	1
	F3	Pembebasan daripada cengkaman ekonomi dan kebudayaan asing	1
	F4	Usaha masyarakat tempatan menentang apa sahaja bentuk tekanan / penjajahan kuasa luar	1
	F5	Di Malaysia, penentangan dilakukan terhadap British sejak abad ke-19	1
	F6	Gerakan merupakan reaksi spontan masyarakat tempatan untuk menjaga kepentingan mereka	1
	F7	Gerakan nasionalisme secara menyeluruh bermula pada awal abad ke-20	1
2	Huraikan faktor-faktor pemangkin nasionalisme seperti berikut:		
	(i)	Pengenalan sistem politik barat	5 markah
	F1	Penjajahan British melalui Sir Andrew Clarke telah memperkenalkan sistem politik barat dan memusnahkan sistem politik tradisional tempatan	1
	F2	British telah meletakkan seorang Residen yang mengambil alih pentadbiran negeri daripada pembesar tempatan	1
	F3	Para pembesar diberi pencen dan tempat mereka digantikan oleh pegawai British	1
	F4	Bagi orang tempatan perubahan ini mencabar sistem atau amalan tradisi mereka .	1
	F5	Menjatuhkan maruah mereka	1
	F6	Hal ini telah membangkitkan kebencian penduduk tempatan terhadap British	1
	(ii)	Dasar British	5 markah
	F1	Dasar British dalam mentadbir Tanah Melayu telah menggalakkan sesiapa sahaja datang untuk melabur, berniaga, berdagang, bekerja dan menetap di Tanah Melayu	1
	F2	H3b Dengan itu ramai orang asing telah datang ke Tanah Melayu dan menetap di sini	1
	F3	Kemasukan orang asing yang berterusan telah meningkatkan jumlah imigran di Tanah Melayu dan menimbulkan persaingan kepada penduduk tempatan	1
	F4	Mereka menguasai ekonomi Tanah Melayu dalam bidang perlombongan bijih timah, perladangan getah dan perniagaan	1

F5	Orang Melayu pula kekal dengan pertanian padi yang tidak dimajukan oleh British	1
F6	British juga telah membuka bandar baru sebagai pusat pentadbirannya sedangkan orang Melayu tetap tinggal di kampung-kampung dengan segala kekurangan	1
F7	Kemajuan ekonomi seperti perniagaan serta kewujudan prasarana contohnya elektrik, perkhidmatan pos, telefon, sekolah, hospital dan lain-lain telah meningkatkan taraf hidup di bandar	1
F8	Keadaan ini menjarakkan lagi jurang taraf hidup antara orang tempatan di luar bandar dengan imigran dan penduduk lain di Bandar	1
F9	Dasar british telah memundurkan lagi taraf hidup orang Melayu	1
F10	Hal ini disedari oleh golongan intelek Melayu dan mereka menjadikannya isu gerakan nasionalisme Melayu	1
(iii) Kesedaran Politik serantau		5 markah
F1	Kesedaran politik serantau yang berlaku di sekitar Asia Tenggara terutama di Indonesia turut mendorong kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu	1
F2	Indonesia yang amat rapat dengan Tanah Melayu dari segi geografi dan budaya telah mempengaruhi gerakan nasionalisme di Tanah Melayu	1
F3	Kesedaran politik dan pendidikan Indonesia yang lebih matang telah melahirkan ramai golongan intelektual	1
F4	Antaranya ada yang menjadi penulis besar dan karya mereka ini telah menjadi bacaan masyarakat Tanah Melayu, terutama yang berpendidikan vernakular Melayu	1
F5	Idea kebebasan politik dan penentangan terhadap penjajahan dalam tulisan mereka yang tersebar luas di sini dapat dihayati oleh masyarakat tempatan	1
F6	Kemasukan orang Indonesia ke Tanah Melayu memudahkan penerimaan unsur kegiatan nasionalisme Indonesia di Tanah Melayu	1
(iv) Gerakan Pan- Islamisme sedunia		5 markah
F1	Gerakan Pan-Islamisme sedunia telah memberikan kesan kepada kesedaran semangat kebangsaan di Tanah Melayu	1
F2	Gerakan Pan-Islamisme merupakan gerakan intelektual Islam seluruh dunia untuk membangkitkan pemahaman yang lebih progresif terhadap Islam untuk menentang penjajahan Barat ke atas negara-negara Islam	1
F3	Gerakan ini didokong oleh pelajar Islam dari seluruh dunia	1
F4	Gerakan reformis Islam yang dimulakan oleh Syeikh Muhammad Abduh,	1

		pensyarah di Universiti al azhar Mesir, telah tersebar luas	1
	F5	Dalam tulisannya beliau telah memberikan kupasan bahawa Islam ialah cara hidup	1
	F6	Menekankan kepentingan dunia dan akhirat di samping mendorong umatnya menuju kejayaan	1
	F7	Tulisan Syeikh Muhammad Abduh ini disebar dalam majalah al Manar	1
	F8	Selain itu gerakan Wahabi yang berlaku di Arab Saudi juga mendesak matlamat yang sama	
3	Apakah isu-isu yang dibangkitkan oleh para nasionalis melalui media cetak seperti: (i) Akhbar		20 markah
	F1	Pendidikan untuk wanita	1
	F2	Pendidikan tinggi untuk orang Melayu	1
	F3	Orang Melayu meninggalkan sifat negatif	1
	F4	Menggalakkan orang Melayu menabung	1
	F5	Kemahiran tradisional/ kerja tangan	1
	F6	Pendidikan Bahasa Inggeris	1
	F7	Taraf sekolah Melayu diperbaiki	1
	F8	Memartabatkan Bahasa Melayu	1
	F9	Orang Melayu tidak meninggalkan pendidikan Islam	1
	F10	Nilai-nilai baik masyarakat Melayu	1
	F11	Menggalakkan syarikat kerjasama	1
	F12	Mengurangkan kemasukan orang dagang	1
	F13	Perniagaan dalam kalangan orang Melayu	1
	F14	Melarang orang Melayu menjual tanah	1
	F15	Amalan berjimat cermat	1
	F16	Kampung khas orang Melayu di Kuala Lumpur	1
	F17	Mengkritik British kerana mengurangkan kuasa Raja-raja Melayu	1
	F18	Mengkritik Raja/pembesar kerana tidak memajukan orang Melayu	1
	F19	Menolak dasar pilih kasih British dalam pentadbiran kerajaan	1
	F20	Menuntut diadakan Malay Administrative Service (M.A.S) untuk melindungi orang Melayu dalam perkhidmatan kerajaan	1
	F21	Menyeru orang Melayu bersatu dalam satu pertubuhan kebangsaan	1
	F22	Menentang tuntutan orang dagang terhadap politik tempatan	1
	(ii) Majalah		10 markah
	F1	Pendidikan untuk anak-anak Melayu	1
	F2	Perpaduan dalam kalangan orang Melayu	1
	F3	Semangat cinta akan negara/menentang penjajah	1
	F4	Memperbaiki taraf hidup orang Melayu	1
	F5	Memajukan bahasa dan sastera Melayu	1
	F6	Perpaduan dalam kalangan guru	1
	F7	Soal pentafsiran Islam yang progresif	1
	F8	Memperluas ilmu dalam semua bidang	1
	F9	Memberi pentafsiran kepada persoalan orang Islam	1
	F10	Menggesa orang Melayu menjauhkan diri daripada sifat buruk	1
	F11	Perpaduan dalam kalangan guru perempuan Johor	1
	F12	Wanita harus mendapatkan pendidikan	1

	F13 F14	Wanita harus menjaga kesopanan dengan nilai-nilai Islam Wanita ialah obor memajukan bangsa	1
4		Buktikan perjuangan persatuan-persatuan Melayu pada akhir abad ke-19 telah berjaya mencapai matlamat mereka.	10 <i>markah</i>
	F1 H1a H1b	Menyatukan orang Melayu Kongres Melayu berjaya menghimpunkan wakil dari semua persatuan Melayu untuk berbincang bagi memajukan orang Melayu. Semangat kenegerian dapat dipecahkan	1 1 1
	F2 H2a	Meningkatkan semangat dan kesedaran kebangsaan dikalng orang Melayu PASPAM menggalakkan orang Melayu menulis dan bertukar-tukar idea dalam ruangan akhbar Saudara bagi memajukan diri dan bangsa .	1 1 1
	F3 C3a	Memperjuangkan kepentingan orang Melayu dalam politik, ekonomi, pendidikan, bahasa dan hak orang Melayu KMS berjaya mendapatkan satu petempatan khas untuk orang Melayu di Singapura	1 1
	F4 C4a	Memberi kesedaran kepentingan pendidikan untuk anak perempuan Sebuah sekolah untuk pelajar perempuan telah didirikan seperti Madrasah II –Ihya Assyarif Gunung Semanggol Perak	1 1
	F5 C5a	Perjuangan nasionalisme menjadi lebih tersusun. Organisasi PASPAM yang kemas dan mempunyai perlembagaan telah berjaya menarik lebih ramai ahli diseluruh Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak	1 1
	F6 H6a H6b	Menganjurkan Kongres Melayu Kesatuan Melayu Singapura dan Persatuan Melayu Selangor telah berjaya menganjurkan Kongres Melayu 1939 menghimpunkan wakil dari semua persatuan Melayu untuk berbincang bagi memajukan orang Melayu.	1 1 1
		Mana-mana jawapan munasabah Mana-mana 10 x 1m = Mak 10m	

5	Huraikan kepentingan nasionalisme dalam melahirkan rakyat yang bersemangat patriotik.	10 <i>markah</i>
	Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang sangat luas Fakta sangat tepat Bukti sangat tepat beserta dengan contoh yang sangat sesuai Membuat inferens lanjutan dan tepat Komunikasi / pengolahan sangat menarik	Aras 4 9-10
	Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang luas Fakta tepat Bukti tepat beserta dengan contoh yang sesuai Membuat inferens yang tepat	Aras 3 7-8

	Komunikasi / pengolahan menarik	
	Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman agak luas Fakta yang agak tepat Bukti dan contoh yang masih sesuai Membuat inferens yang mudah Komunikasi / pengolahan masih menarik	Aras 2 4-6
	Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang terhad Fakta masih tepat Tiada bukti dan contoh yang sesuai Tiada inferens Komunikasi / pengolahan tidak menarik	Aras 1 1-3
	<p>Memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia -Rakyat memahami pentingnya perpaduan dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum. -Pihak kerajaan hendaklah mengadakan pelbagai program seperti kempen berkaitan perpaduan. -Oleh yang demikian perpaduan yang jitu sangat penting untuk menjadikan negara kita sebuah negara yang aman dan harmoni.</p> <p>Aspek Pentadbiran -Pemimpin negara yang mempunyai semangat nasionalisme akan mentadbir negara penuh bertanggungjawab. -Program pembangunan negara dapat dirancang dan dilaksanakan dengan sempurna untuk kepentingan rakyat. -Kepimpinan yang bertanggungjawab ini akan melahirkan hubungan erat antara kerajaan dapat dilaksanakan secara lancar. -Kepimpinan yang berwibawa Perdana Menteri Tun Sri Mahathir Mohamad berupaya mengerakkan jemaah menteri mentadbir negara Malaysia dengan mantap.</p> <p>Ekonomi negara turut berkembang pesat -Semangat nasionalisme yang kuat dalam warga Malaysia mampu melonjakkan rakyat untuk bersaing dari segi ekonomi. -Oleh itu, rakyat berupaya menjadi tenaga kerja yang mahir. -Maka dapat meningkatkan taraf hidup rakyat. -Negara kita merupakan negara pengeluar hub halal telah mendapat pengiktirafan dari luar negara.</p> <p>Mendorong rakyat berusaha dengan bersungguh-sungguh. -Kesungguhan ini akan meningkatkan produktiviti dan menaikkan imej negara di mata dunia. -Seperti bidang sukan, individ yang memiliki semangat nasionalisme akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memenangi sesuatu pertandingan. -Mengharumkan nama negara. -Terdapat banyak atlit negara yang bertaraf dunia berjaya seperti Dato Nicol David dalam sukan squash dan Dato Lee Chong Wei dalam sukan badminton.</p> <p style="text-align: center;"><i>(Mana-mana jawapan munasabah)</i></p>	

		CONTOH JAWAPAN untuk penandaan secara RUBRIK (Holistik)	
		bidang SOSIAL	
		Aras 4 [calon mesti memberi 3 set jawapan aras 4 untuk mendapat 10 m]	
	Fakta	Memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia	
	Huraian	Rakyat memahami pentingnya perpaduan dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum.	
	Huraian lanjutan:	Pihak kerajaan hendaklah mengadakan pelbagai program yang melibatkan pelbagai kaum	
	Contoh :	Kempen Perpaduan	
	Inferens:	Oleh yang demikian perpaduan yang jitu sangat penting untuk menjadikan negara kita sebuah negara yang aman dan harmoni	
		Aras 3	
	Fakta	Memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia	
	Huraian	Rakyat memahami pentingnya perpaduan dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum.	
	Contoh :	Kempen Perpaduan	
	Infrens:	Oleh yang demikian perpaduan yang jitu sangat penting untuk menjadikan negara kita sebuah negara yang aman dan harmoni	
		Aras 2	
	Fakta	Memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia	
	Huraian	Rakyat memahami pentingnya perpaduan dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum.	
	Contoh :	Kempen Perpaduan	
		Aras 1	
	Fakta	Memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia	
	Huraian	Rakyat memahami pentingnya perpaduan dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum.	

6	Bincangkan cabaran untuk memperkasakan semangat patriotik dan langkah mengatasi cabaran tersebut.	10 markah
	Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang sangat luas Fakta sangat tepat Bukti sangat tepat beserta dengan contoh yang sangat sesuai Membuat inferens lanjutan dan tepat Komunikasi / pengolahan sangat menarik	Aras 4 9-10
	Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang luas Fakta tepat Bukti tepat beserta dengan contoh yang sesuai Membuat inferens yang tepat Komunikasi / pengolahan menarik	Aras 3 7-8

	Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman agak luas Fakta yang agak tepat Bukti dan contoh yang masih sesuai Membuat inferens yang mudah Komunikasi / pengolahan masih menarik	Aras 2 4-6
	Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang terhad Fakta masih tepat Tiada bukti dan contoh yang sesuai Tiada inferens Komunikasi / pengolahan tidak menarik	Aras 1 1-3
	<p>Cabaran</p> <p>F1 Kurang pengalaman/kurang pendedahan/didikan F2 Cabaran globalisasi/dunia tanpa sempadan F3 Cabaran dalam peringkat sekolah/kurang penghayatan yang diperoleh semasa di peringkat sekolah rendah atau menengah F4 Masalah gejala sosial/pemikiran negatif/punk/metal dan lain-lain F5 Terhakis jati diri/semangat untuk bersaing F6</p> <p>(Mana-mana jawapan munasabah)</p> <p>Langkah</p> <p>F1 Mewajibkan/memantapkan pendidikan sejarah/kewarganegaraan di peringkat sekolah rendah dan menengah F2 Mengadakan dan terlibat dalam program patriotik/Bulan Kebangsaan F3 Terlibat dalam bidang sukan tanpa mengira bangsa dan agama F4 Kem motivasi/jati diri/PLKN/BTN F5 Mengukuhkan nila-nilai murni/amalan keagamaan</p> <p>(Mana-mana jawapan munasabah)</p>	
		CONTOH JAWAPAN untuk penandaan secara RUBRIK (Holistik)
		bidang SOSIAL
		Aras 4 [calon mesti memberi 3 set jawapan aras 4 untuk mendapat 10 m]
	Fakta	Cabaran globalisasi/dunia tanpa sempadan
	Huraian	pengaruh luar Negara yang tidak sesuai dengan budaya tempatan
	Huraian lanjutan:	budaya tersebut menjadi kegilaan generasi masa kini hinggakan menghakis semangat patriotik
	Contoh :	Budaya K-pop
	Inferens:	Cabaran Globalisasi yang negatif mampu menghakis semangat patriotik
		Aras 3
	Fakta	Cabaran globalisasi/dunia tanpa sempadan
	Huraian	pengaruh luar Negara yang tidak sesuai dengan budaya tempatan
	Contoh :	Budaya K-pop
	Inferens:	Cabaran Globalisasi yang negatif mampu menghakis semangat patriotik
		Aras 2

	Fakta	Cabaran globalisasi/dunia tanpa sempadan	
	Huraian	pengaruh luar Negara yang tidak sesuai dengan budaya tempatan	
	Contoh :	Budaya K-pop	
		<i>Aras 1</i>	
	Fakta	Cabaran globalisasi/dunia tanpa sempadan	
	Huraian	pengaruh luar Negara yang tidak sesuai dengan budaya tempatan	

7	Huraikan iktibar yang anda peroleh daripada perjuangan gerakan nasionalisme sehingga Perang Dunia Kedua untuk mengukuhkan kedaulatan bangsa.		10 markah
	Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang sangat luas Fakta sangat tepat Bukti sangat tepat beserta dengan contoh yang sangat sesuai Membuat inferens lanjutan dan tepat Komunikasi / pengolahan sangat menarik		Aras 4 9-10
	Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang luas Fakta tepat Bukti tepat beserta dengan contoh yang sesuai Membuat inferens yang tepat Komunikasi / pengolahan menarik		Aras 3 7-8
	Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman agak luas Fakta yang agak tepat Bukti dan contoh yang masih sesuai Membuat inferens yang mudah Komunikasi / pengolahan masih menarik		Aras 2 4-6
	Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang terhad Fakta masih tepat Tiada bukti dan contoh yang sesuai Tiada inferens Komunikasi / pengolahan tidak menarik		Aras 1 1-3
	F1	Kita hendaklah hidup bersatu padu	
	F2	Pemimpin perlulah bijak menyusun strategi untuk memajukan negara	
	F3	Rakyat Malaysia haruslah mengamalkan semangat kerjasama/persefahaman untuk mewujudkan keharmonian negara	
	F4	Rakyat Malaysia hendaklah sentiasa menumpahkan taat setia kepada raja dan negara agar kedaulatan negara terpelihara	
	F5	Generasi muda perlulah mengukuhkan semangat jati diri supaya mampu mendepani cabaran globalisasi.	
	F6	Rakyat Malaysia perlu berwaspada terhadap campur tangan kuasa-kuasa	

	F7	luar bagi mengekalkan kemerdekaan negara Rakyat Malaysia perlulah mengelakkan diri daripada terpengaruh dengan ideologi asing supaya keselamatan negara terjamin	
	F8	Pemimpin dan rakyat haruslah berganding bahu mempertahankan kedaulatan negara supaya penjajahan tidak berulang	
	F9	Kita mestilah sanggup berkorban demi memajukan negara agar mampu bersaing dengan negara lain	
	F10	Kita mestilah meningkatkan kemajuan dan kemakmuran ekonomi (<i>Mana-mana jawapan munasabah</i>)	
		CONTOH JAWAPAN untuk penandaan secara RUBRIK (<i>Holistik</i>)	
		bidang SOSIAL	
		Aras 4 [<i>calon mesti memberi 3 set jawapan aras 4 untuk mendapat 10 m</i>]	
	Fakta	Kita hendaklah hidup bersatu padu.	
	Huraian	ia akan mengukuhkan hubungan antara masyarakat yang berbeza	
	Huraian lanjutan:	membentuk semangat bertoleransi dan bekerjasama	
	Contoh :	masyarakat majmuk dalam satu kawasan perumahan	
	Inferens:	Kita hendaklah hidup bersatu padu bagi mengukuhkan pertahanan Negara	
		Aras 3	
	Fakta	Kita hendaklah hidup bersatu padu.	
	Huraian	ia akan mengukuhkan hubungan antara masyarakat yang berbeza	
	Contoh :	masyarakat majmuk dalam satu kawasan perumahan	
	Inferens:	Kita hendaklah hidup bersatu padu bagi mengukuhkan pertahanan Negara	
		Aras 2	
	Fakta	Kita hendaklah hidup bersatu padu.	
	Huraian	ia akan mengukuhkan hubungan antara masyarakat yang berbeza	
	Contoh :	masyarakat majmuk dalam satu kawasan perumahan	
		Aras 1	
	Fakta	Kita hendaklah hidup bersatu padu.	
	Huraian	ia akan mengukuhkan hubungan antara masyarakat yang berbeza	
8		Buat rumusan tentang gerakan nasionalisme di Malaysia dalam usaha membebaskan negara daripada tekanan penjajahan.	<i>5markah</i>

	<p>Kesimpulan yang dapat dirumuskan daripada keseluruhan isi</p> <p>(a) <i>Pengetahuan yang diperoleh</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Faktor-faktor pemangkin nasionalisme di Tanah Melayu - Peranan pendidikan dalam meningkatkan kesedaran nasionalisme masyarakat di Tanah Melayu - Media massa memainkan peranan penting dalam membangkitkan kesedaran kebangsaan <p>(b) <i>Nilai patriotisme yang boleh dihayati</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Semangat kerjasama penting dalam mempertahankan Negara - Gigih berusaha untuk mengisi kemerdekaan supaya Negara terus maju dan makmur - Sanggup berkorban demi pembangunan dan kemajuan negara dalam pelbagai bidang - Sikap berdisiplin dan gigih berusaha perlu diteladani oleh generasi muda hari ini untuk mencapai kemajuan - Ketaatan kepada pemimpin akan menjamin kejayaan dalam sesebuah perjuangan <p>(c) <i>Harapan menjadikan negara dan bangsa Malaysia unggul di mata dunia.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Generasi muda perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan agar dapat membangunkan negara - Rakyat perlu mempunyai jati diri agar tidak mudah tunduk dengan ancaman dalam dan luar negara/ penjajahan bentuk baharu - Negara mencapai matlamat Wawasan 2020 /sebagai Negara maju supaya setanding dengan Negara maju lain. - Rakyat akan dapat mengukuh dan mengekalkan perpaduan negara supaya keamanan negara terpelihara. <p style="text-align: right;">Mana-mana 5 x 1m = Mak 5m</p>	
--	--	--

- Aras 4 – pelajar mesti memberi fakta, huraian, contoh dan inferens dalam jawapan
- Aras 3 – Pelajar memberi Fakta ,huraian dan contoh
- Aras 2 – Pelajar memberi fakta dan huraian
- Aras 1 – Pelajar memberi fakta